

Manja
Ismail



manja@nstp.com.my

'Ganyang Malaysia' tak matikan jiwa besar kita

B/4 5/10/2009

Malaysia ketepikan soal hati hulu bantuan bencana di Padang

KETIKA penulis bertanya ke kumpulan pemberita salah sebuah stesen TV Jumaat lalu, siapa yang mahu mengikuti pasukan penyelamat Malaysia ke Sumatera Barat selama dua minggu. Secara spontan ramai mengangkat tangan sambil berteriak 'saya'. Yang menarik perhatian, suara wanita menyahut cabaran itu mengalakkan suara lelaki walaupun mereka diberitahu tugas berkenaan bakal dilakukan di desa terpencil yang serba kekurangan.

Malah seorang penolong penerbit berita yang baru bergelar isteri memberitahu beliau baru mendaftar dengan Mercy Malaysia, menawarkan khidmatnya membantu mangsa gempa bumi di Padang, Rabu lalu. Walaupun yang dipilih untuk tugas lasak itu pemberita lelaki, ternyata kesan kejadian gempa bumi di negara serumpun itu turut dirasakan rakyat negara ini.

Ia juga adalah antara contoh kecil mengenai betapa besarnya hati rakyat Malaysia untuk menghulur bantuan atas nama kemanusiaan di mana saja berlaku bencana dan kesengsaraan. Sikap dan nilai seumpama ini, terutama di kalangan generasi muda, selain asuhan ibu bapa, adalah kesan dasar kita sejak beberapa dekad lalu yang sentiasa peka dengan penderitaan manusia tidak kira di mana mereka berada.

Sebagai rakyat Malaysia, selain bersyukur kerana negara ini belum pernah ditimpa bencana seteruk itu, kita juga boleh berbangga sebagai satu bangsa, yang walaupun ada kekurangannya, sentiasa di barisan hadapan dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan. Sama ada di negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand atau negara mangsa peperangan dan kekejaman.

Sehingga semalam angka rasmi korban akibat gempa bumi berskala 7.6 Richter itu meningkat menjadi 603 orang, ketika ratusan yang lain dipercayai hilang dan masih tertimbus tanah runtuh di beberapa desa dan di celah runtuh bangunan di Kota Padang.

Sebaik kejadian di Sumatera Barat, kerajaan terus mengumumkan bantuan, manakala pihak media melancarkan tabung bantuan dengan syarikat swasta berikrar membuat sumbangan beratus juta ringgit. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula terus mengumpul sukarelawan untuk dihantar bagi membantu meringankan penderitaan mangsa bencana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin mengumumkan Malaysia akan menyalurkan bantuan kepada mangsa gempa bumi di Sumatera Barat, dalam tiga bentuk iaitu penghantaran Pasukan Mencari dan Penyelamat (Smart), perubatan dan bantuan kemanusiaan secara berperingkat. Bantuan pertama membabitkan 39 anggota Smart sudah pun berlepas ke Padang pagi kelmarin.

Semua ini membuktikan kita sebenarnya bangsa yang berjiwa besar. Walaupun tindakan segelintir media dan rakyat Indonesia melancarkan kempen 'Ganyang Malaysia' kerana salah faham berhubung tarian pendet baru-baru ini



ANGGOTA Smart menyertai operasi menyelamat di Padang.

jadi penghalang bagi kita menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan, apa lagi rakyat negara jiran serumpun dan seagama.

Benteng Demokrasi Rakyat (Bendera), yang melancarkan gerakan 'Ganyang Malaysia', misalnya masih dengan rancangannya mengadakan perhimpunan mingguan di beberapa kota di sekitar pulau Jawa.

Petang semalam, kumpulan Bendera itu sekali lagi mengisytiharkan perang terhadap Malaysia iaitu kumpulan yang beberapa minggu lalu melakukan 'sapu dan usir rakyat Malaysia' dan bersedia mengepung Kedutaan Malaysia di Jakarta bertujuan menggesa pemerintah Indonesia bersikap tegas.

Kira-kira 200 orang, antaranya kanak-kanak berhimpun di Kampung Parung, Bogor di Jawa Barat sambil mengenakan lilitan kepala berwarna merah putih dan bersenjata buluh runcing. Mereka berarak sambil membakar gambar Jalur Gemilang dan mengancam mengepung Kedutaan Malaysia di Jakarta.

Barangkali kerana keghairahan kumpulan itu untuk menganyang Malaysia, pihak berkuasa di sana dilaporkan menghadapi masalah untuk mencari sukarelawan bagi membantu mangsa gempa bumi Sumatera Barat.

Akhbar internet republik itu, *Detik.com*, semalam melaporkan hanya 600 daripada 2,000 tempat duduk percuma yang ditawarkan oleh sebuah syarikat perkapalan bagi menghantar sukarelawan ke Sumatera Barat terisi.

Memang penulis ada menerima beberapa e-mel dan panggilan telefon memersoalkan kenapa kita harus membantu Indonesia sedangkan ada rakyat negara itu melancarkan 'perang' ke atas Malaysia. Namun, respons positif rakyat negara ini terhadap usaha kerajaan dan media melancarkan pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa gempa bumi itu jauh lebih ramai.

Mereka yang membantah pula masih bersimpati dengan mangsa tragedi tetapi agak emosional dengan tindakan segelintir rakyat Indonesia terhadap kita sejak akhir-akhir ini. Bagaimanapun tindakan kumpulan 'Ganyang Malaysia' itu bukanlah pendirian pemerintah atau keseluruhan rakyat republik itu. Malah, ramai juga rakyat Indonesia mempersoalkan tindakan kumpulan berkenaan.

Penulis sebuah laman web di Indonesia misalnya memberi kesimpulan ini ketika mengaitkan keghairahan rakyat negara itu untuk menganyang Malaysia dan bencana terbaru di Sumatera Barat: "Selalu ada hikmah daripada setiap kejadian, seburuk dan sepahit apapun kejadian yang menimpa umat manusia kita harus tetap bersyukur dan bersabar. Kepedihan dan kesakitan apapun yang kita alami, boleh mempunyai dua makna.

"Pertama musibah apapun yang terjadi pada bangsa kita, adalah jalan untuk meningkatkan kualiti diri kita sebagai manusia dan yang kedua musibah yang terjadi sebagai penghapus dosa dari hal-hal buruk yang pernah kita lakukan bersama dan tidak termaafkan."